



PROGRAM “KKM JOM IKRAR!”

MODUL 4 : “AGAMA BENARKAN?..... ”
(PENDERMAAN ORGAN DARI PERSPEKTIF AGAMA)

Salinan modul boleh didapati di
www.dermaorgan.gov.my atau emel kepada ntrc@moh.gov.my

PENDERMAAN ORGAN DARI PERSPEKTIF AGAMA

Objektif

1. Semua anggota KKM beragama Islam memahami tentang hukum pendermaan organ.
2. Mengetahui tentang fatwa derma organ di Malaysia.
3. Mengetahui tentang segala kemusykilan tentang pendermaan organ dari aspek Islam
4. Semua anggota KKM yang bukan beragama Islam memahami secara asas tentang pendermaan organ dan tisu dari perspektif agama masing-masing.

Rangka

1. Hukum Derma Organ
2. Fatwa Pendermaan Organ
3. Soal jawab Islam Mengenai Pendermaan Organ
4. Pandangan Agama Lain

Kandungan

1. Hukum Derma Organ

Majoriti agama di seluruh dunia membenarkan pendermaan organ. Dalam konteks Islam, hukum pemindahan dan pendermaan organ adalah harus. Ini adalah kerana pemindahan dan pendermaan organ memenuhi tuntutan dan memelihara nyawa manusia yang merupakan salah satu daripada *maqasid al-syar'iyah* (objektif syariah).

2. Fatwa Pendermaan Organ

Perkembangan mengenai kaedah rawatan pendermaan organ mula dibincangkan di Malaysia sejak 1960'an lagi. Dan hasilnya, pada tahun 1970. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah mengeluarkan fatwa berkenaan pendermaan organ dengan pertimbangan-pertimbangan berikut:

- Dalam keadaan mendesak dan mustahak, bahawa nyawa penerimanya bergantung pada pemindahan organ itu dan ianya difikirkan Berjaya.
- Dalam pemindahan jantung, kematian penderma telah dipastikan dahulu.
- Tindakan sewajarnya hendaklah diambil supaya tidak ada pembunuhan manusia dan pemerdagangan organ-organnya.
- Kebenaran hendaklah diperolehi daripada penderma-penderma sebelum pemindahan sebarang organ (dalam kematian biasa) atau daripada keluarga (dalam kematian akibat kemalangan)

Fatwa Kebangsaan telah menjadi rujukan dan diterima pakai di negeri-negeri yang tidak mempunyai fatwa khusus mengenai pendermaan organ.

Negeri-negeri yang mempunyai fatwa peringkat negeri mengenai pendermaan organ ialah Perlis (1965), Sarawak (1996), Selangor (2000), Johor (2001) dan Pulau Pinang (2010).

3. Soal Jawab Islam Mengenai Pendermaan Organ

Adakah pendermaan organ menyiksa mayat?

Ada hadis dengan terjemahannya “Sesungguhnya perbuatan mematahkan tulang si mati samalah seperti memematahkan tulang semasa ia hidup”. Pada asasnya, hadis ini melarang penghinaan ke atas orang yang sudah meninggal dunia. Islam amat menitikberatkan soal member penghormatan kepada orang yang sudah meninggal dunia samada orang Islam mahupun orang bukan Islam. Perbuatan mematahkan tulang si mati seringkali dikaitkan dengan perbuatan menyiksa mayat seperti yang dinyatakan dalam hadis ini adalah merujuk kepada perbuatan yang tidak bermanfaat.

Bagaimanapun, pemindahan organ dilakukan bukan kerana niat jahat atau tujuan yang tidak bermanfaat. Sebaliknya ia dilakukan sebagai pilihan terakhir bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan organ tersebut. Memelihara nyawa nyawa adalah salah satu dari *maqasid al-syar’iyyah* (objektif syariah). Larangan yang dinyatakan menerusi hadis ini terbatal apabila wujud keperluan yang lebih utama yang mengatasi hadis tersebut iaitu menyelamatkan nyawa manusia.

Proses transplan organ dilakukan dengan penuh cermat teliti dan penuh penghormatan terhadap tubuh penderma yang sudah meninggal dunia sama seperti yang masih hidup. Malah, proses transplant organ dijalankan secepat mungkin bagi membolehkan urusan pengkebumian jenazah tidak tergendala. (Sila rujuk Surah Al Baqarah (2): 173.

Adakah penderma organ melanggar hak dan amanah yang diberikan kepadanya supaya memelihara maruah dan kehormatan jasadnya apabila dia menderma organ?

Manusia adalah sebaik-baiknya ciptaan Allah SWT.(Sila rujuk Surah Al-Nisa (17):70). Ayat ini menjelaskan bahawa Allah memuliakan manusia dengan sebaik baik ciptaan. Umat Islam percaya bahawa tubuh badan ialah anugerah dan amanah Allah SWT. Hak selepas meninggal ialah dimandikan, dikafankan, disolatkan dan dikebumikan.

Perbuatan menderma organ memberi peluang kepada orang lain untuk meneruskan kehidupannya di samping menunaikan hak dan amanahnya terhadap tubuh badannya. Jika kita percaya tubuh badan ini milik Allah SWT maka kita tak seharusnya kedekut untuk mendermakan pada orang lain, tambahan pula nyawa yang hendak diselamatkan adalah milik Allah.

Adakah penderma organ menanggung dosa orang yang menerima organ?

Tidak, kerana setiap orang mukalaf (baligh, berakal, mumaiyiz), bertanggungjawab ke atas tindak tanduknya sendiri. Ini boleh dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam Surah Al-An'am (6): 164. Malahan Dr Yusuf Qardawi berpendapat orang yang menderma organ akan diberi ganjaran pahala kerana perbuatan menderma organ termasuk dalam sedekah jariah yg memberikan pahala berpanjangan walaupun telah meninggal dunia.

Adakah orang yang menderma organ akan dibangkitkan pada hari kiamat tanpa organ/tisu yang telah didermakan?

Sebagai umat Islam, kita percaya akan dibangkitkan mengikut amalan di dunia. Jika baik amalannya maka baik lah bentuk tubuh badan, dan begitulah sebaliknya. Menderma organ adalah amalan mulia yakni untuk menyelamatkan nyawa manusia. Sebagai umat Islam, kita percaya bahawa segala-galanya akan musnah ditiup sangkalala sebelum dibangkitkan semula. Dan ini jelas kekuasaan Allah SWT membangkitkan manusia dengan sempurna seperti firmanNya dalam Surah Yasin (36): 79.

Bolehkah orang Islam menerima organ bukan Islam?

Tiada larangan jelas dalam syarak. Ini kerana organ manusia tidak bersifat Islam atau kufur, sebaliknya organ ialah alat yang digunakan oleh manusia bagi melaksanakan tuntutan akidah dan manhajnya untuk hidup. Setelah transplantasi organ, organ yang diterima menjadi sebahagian tubuh badan orang Islam tersebut. Mengikut Dr Yusuf Qardawi, anggota tubuh badan Islam adalah Islam. Perkara dimaksudkan Islam atau bukan Islam bukanlah anggota zahir tetapi roh manusia.

Bolehkah orang Islam menderma kepada orang bukan Islam?

Pendermaan organ di Malaysia dipindahkan kepada pesakit yang paling sesuai menerima organ tersebut dan mempunyai tahap kejayaan pemindahan yang tinggi. Penderma tidak boleh menetapkan siapa yang boleh atau tidak boleh menerima organ. Dalam konteks Malaysia, orang bukan Islam dikategorikan sebagai kafir dzimmi iaitu

mereka yang memberikan taat setia kepada negara dan mereka wajib dilindungi, dibantu dan diselamatkan apabila berada dalam kesusahan atau kesakitan. Ini termasuklah pemindahan organ yg bertujuan untuk menyelamatkan nyawa. Hal ini diperjelas lagi menerusi ayat Al Quran dalam Surah Al-Mumtahanah (60): 8. Rasulullah juga mengingatkan kita bahawa umat Islam seharusnya banyak memberi dan membantu orang lain.

4. Pandangan Agama Lain

Agama Buddha

Menurut K. Sri Dhammananda Nayake Therra, menderma bahagian tubuh badan seperti mata, buah pinggang dan lain-lain adalah satu perbuatan mulia. Agama Buddha menerima pendermaan organ dan transplantasi. Ia menggalakkan pendermaan organ dan tisu selagi tiada unsur komersialisme terlibat.

Agama Hindu

Kasih sayang, belas kasihan dan member adalah elemen utama. Selagi ia menyelamatkan nyawa, agama Hindu tidak melarang penganutnya untuk menderma organ semasa hidup atau selepas kematian.

Agama Kristian

Berkorban dan membantu orang lain adalah intipati utama. Agama Kristian menggalakkan penganutnya membantu insan lain yang memerlukan melalui pendermaan selagi pendermaan tersebut mematuhi undang-undang dan etika.

Agama Sikh

Sikhism tidak menentang pendermaan organ dan tisu. Menderma mata atau organ-organ lain adalah hadiah yang tidak ternilai dalam kehidupan seseorang.